

MALAYSIA

**DR. 3 TAHUN 2020
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK
2 NOVEMBER 2020**

**PENYATA
JAWATANKUASA DEWAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

Dikemukakan oleh :

**YANG BERHORMAT
DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat yang dibentangkan pada 3 Ogos 2020 telah melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Parlimen Keempat Belas seperti berikut:

- i. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua
Pengerusi mengikut Peraturan Mesyuarat 79(1)
- ii. Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan
Usahawan dan Koperasi)
- iii. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau
- iv. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai
- v. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu
- vi. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang
- vii. Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

DR. 3 TAHUN 2020

MINIT MESYUARAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 1 TAHUN 2020 YANG TELAH
DIADAKAN PADA 1.15 TENGAHARI, KHAMIS, 6 OGOS 2020
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA**

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi)

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah
Peraturan Mesyuarat 83(8)

TURUT HADIR

Parlimen Malaysia

Tuan Haji Ali Zulfakar bin Zainal Abidin
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman
Penasihat Undang-Undang II

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1. Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat ialah untuk membincangkan mengenai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas.
2. Mesyuarat mengambil maklum senarai Jawatankuasa Pilihan Khas baharu yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan;
 - ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Institusi-institusi Governan;
 - iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Anti Rasuah;
 - iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial; dan
 - v) Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Kelestarian.

3. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Dewan yang terdahulu bersetuju dengan penubuhan Kumpulan Parlimen Rentas Parti, *All Party Parliamentary Group Malaysia* (APPGM) iaitu platform bersama Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta pihak luar seperti ahli akademik, NGOs dan pakar untuk membincang, meneliti dan mengemukakan laporan cadangan-cadangan kepada Parlimen atau jawatankuasa mengenai sesuatu isu. *APPGM on Sustainable Development Goals* dan *APPGM-Refugee* telah ditubuhkan.

4. Mesyuarat bersetuju bahawa penubuhan APPGM akan diteruskan.

5. Mesyuarat bersetuju bahawa senarai cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas akan diedarkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa pada mesyuarat akan datang untuk dipertimbangkan. Ahli-ahli Jawatankuasa juga boleh mencadangkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu.

6. Jawatankuasa akan bermesyuarat semula pada 13 Ogos 2020 bagi membincangkan perkara tersebut.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.07 petang.

MINIT MESYUARAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 2 TAHUN 2020 YANG TELAH
DIADAKAN PADA 1.15 TENGAHARI, KHAMIS, 13 OGOS 2020
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA**

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha
Setiausaha Dewan Rakyat

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi)

TURUT HADIR

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Parlimen Malaysia

Tuan Haji Ali Zulfakar bin Zainal Abidin
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman
Penasihat Undang-Undang II

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1. Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat ialah untuk membincangkan senarai cadangan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas.
2. Dokumen-dokumen berikut diedarkan semasa mesyuarat:
 - i. Senarai cadangan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas – **LAMPIRAN A**;
 - ii. Kertas Cadangan Pewujudan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Baharu – **LAMPIRAN B**; dan
 - iii. Garis Panduan dan Peraturan Untuk Penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM) – **LAMPIRAN C**.
3. Mesyuarat bersetuju bahawa penubuhan Kumpulan Parlimen Rentas Parti, *All Party Parliamentary Group Malaysia* (APPGM) diteruskan dengan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

4. Mesyuarat bersetuju bahawa pada mesyuarat yang akan datang, Jawatankuasa akan menetapkan sama ada Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada akan diteruskan atau Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas baharu ditubuhkan berdasarkan Kementerian atau secara kluster.

5. Mesyuarat mengambil maklum bahawa kawalan keselamatan perlu diperketatkan dan memastikan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi untuk membendung penularan wabak Covid-19. Perkara ini hendaklah dibawa untuk perhatian dan tindakan pihak pentadbiran Parlimen Malaysia.

6. Jawatankuasa seterusnya akan bermesyuarat pada 24 Ogos 2020 untuk berbuat demikian.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.08 petang.

MINIT MESYUARAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 3 TAHUN 2020 YANG TELAH
DIADAKAN PADA 1.15 TENGAHARI, ISNIN, 24 OGOS 2020
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA**

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha
Setiausaha Dewan Rakyat

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi)

TURUT HADIR

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Parlimen Malaysia

Tuan Haji Ali Zulfakar bin Zainal Abidin
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman
Penasihat Undang-Undang II

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1. Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat ialah untuk membincangkan senarai cadangan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas.

2. Dokumen-dokumen berikut diedarkan semasa mesyuarat:
 - i. Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada - **LAMPIRAN D**;
 - ii. Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua - **LAMPIRAN E**;
 - iii. Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bintulu - **LAMPIRAN F**;
 - iv. Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas mengikut Kementerian - **LAMPIRAN G**; dan
 - v. Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas mengikut kluster - **LAMPIRAN H**.

3. Mesyuarat bersetuju bahawa 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada tidak akan diteruskan.

4. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penubuhan sebanyak lapan (8) Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:
 - a. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan;
 - b. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi;
 - c. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan;
 - d. Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-Ageni di bawah Jabatan Perdana Menteri;
 - e. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri;
 - f. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur;
 - g. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan; dan
 - h. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.

5. Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bulan September untuk membincangkan terma rujukan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.10 petang.

MINIT MESYUARAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 4 TAHUN 2020 YANG TELAH
DIADAKAN PADA 1.00 TENGAHARI, KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA**

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha
Setiausaha Dewan Rakyat

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi)

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu

TURUT HADIR

Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin bin Yahaya
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Parlimen Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Kamis bin Samin
Ketua Pentadbir, Parlimen Malaysia

Tuan Haji Ali Zulfakar bin Zainal Abidin
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman
Penasihat Undang-Undang II

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1. Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat ialah untuk membincangkan senarai cadangan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas berserta terma rujukan.
2. Yang Berhormat Datuk Pengerusi juga memaklumkan mengenai surat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial dan surat daripada Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi mengenai cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Teknologi dan Inovasi.
3. Dokumen-dokumen berikut diedarkan semasa mesyuarat:
 - i. Cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas Mengikut Kluster Kementerian - **LAMPIRAN I**;

ii. Kertas Cadangan Untuk Mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas - **LAMPIRAN J**;

4. Mesyuarat bersetuju untuk memuktamadkan penubuhan 8 Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu manakala cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial dan Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Teknologi dan Inovasi akan dibincangkan di mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang akan datang.

5. Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan terma rujukan bagi 8 Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu.

6. Pembentangan oleh Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia mengenai 'Cadangan penubuhan Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat' dan cadangan penambahan perjawatan di Seksyen Penyata Rasmi bagi mengurusati Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas. Cadangan ini melibatkan penambahan perjawatan baharu dan dijangka mula beroperasi pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas.

7. Mesyuarat bersetuju akan cadangan penubuhan dan perjawatan Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat dan penambahan perjawatan di Seksyen Penyata Rasmi. Pihak pentadbiran Parlimen Malaysia akan membuat tindakan susulan dengan segera mengenai perkara ini dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan pertambahan sumber-sumber yang berkaitan seperti tenaga kerja dan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan.

8. Jawatankuasa akan bermesyuarat pada bulan Oktober untuk membincangkan mengenai cadangan menubuhkan 2 lagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.40 tengahari.

MINIT MESYUARAT

MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 5 TAHUN 2020 YANG TELAH
DIADAKAN PADA 10.00 PAGI, KHAMIS, 1 OKTOBER 2020
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha
Setiausaha Dewan Rakyat

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi)

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
Ahli Parlimen Bintulu

TURUT HADIR

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Parlimen Malaysia

Encik Irwan bin Mohamad
Setiausaha Sulit Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman
Penasihat Undang-Undang II

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK Pengerusi

1.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi merakamkan terima kasih atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Bil. 5 Tahun 2020 yang diadakan pada 1 Oktober 2020.

1.2 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa mengenai rumusan keputusan-keputusan Jawatankuasa yang telah dipersetujui pada mesyuarat-mesyuarat yang lepas:

- i. Mesyuarat bersetuju bahawa 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada tidak akan diteruskan dan diganti dengan 8 Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu;
- ii. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penubuhan sebanyak lapan (8) Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan;
 - b) Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi;
 - c) Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan;
 - d) Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri;
 - e) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri;
 - f) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur;
 - g) Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan; dan
 - h) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan;
- iii. Mesyuarat bersetuju agar terma rujukan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
- a) Tujuan penubuhan;
 - b) Keanggotaan – 7 orang ahli termasuk Pengerusi; dan
 - c) Tempoh pelantikan selama 2 tahun atau 2 penggal;
- iv. Mesyuarat bersetuju bahawa Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat diwujudkan dengan penambahan perjawatan di Seksyen Penyata Rasmi di Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat dengan segera. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan dipohon untuk mempertimbangkan pertambahan sumber-sumber yang berkaitan seperti tenaga kerja dan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan; dan
- v. Mesyuarat bersetuju bahawa penubuhan Kumpulan Parlimen Rentas Parti, *All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)* diteruskan dengan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

- 1.3 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat ialah untuk membincangkan senarai cadangan 2 Jawatankuasa Pilihan Khas berserta terma rujukan seperti berikut:
- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial; dan
 - ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Sains dan Inovasi.
- 1.4 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan terdapat cadangan daripada Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Bintulu seperti berikut:
- i. 8 Jawatankuasa Pilihan Khas yang baru ditubuhkan dikekalkan;
 - ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial dimasukkan di bawah Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan, di mana terma rujukan jawatankuasa tersebut meliputi hal ehwal wanita dan kanak-kanak dan pembangunan sosial; dan
 - iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Sains dan Inovasi digabungkan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.

2.0 EDARAN DOKUMEN

- 2.1 Dokumen-dokumen berikut diedarkan semasa mesyuarat:
- i. Perincian terma rujukan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas – **LAMPIRAN K**;
 - ii. Perincian terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial - **LAMPIRAN L**; dan
 - iii. Perincian terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi - **LAMPIRAN M**.

3.0 PERBINCANGAN

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial yang meliputi hal ehwal wanita dan kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), orang asal dan pembangunan sosial.
- 3.2 Mesyuarat mengambil maklum cadangan untuk menggabungkan Jawatankuasa Pilihan Khas Sains dan Inovasi dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan menjadi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi.

4.0 SYOR JAWATANKUASA

- 4.1 Mesyuarat bersetuju bahawa 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada tidak akan diteruskan dan diganti dengan 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu.
- 4.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penubuhan sebanyak 9 Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:
- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan;
 - ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi;
 - iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan;
 - iv. Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-Ageni di bawah Jabatan Perdana Menteri;
 - v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri;
 - vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur;
 - vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan;
 - viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial; dan
 - ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi.

- 4.3 Mesyuarat bersetuju agar terma rujukan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
- i. Tujuan penubuhan;
 - ii. Keanggotaan – 7 orang ahli termasuk Pengerusi; dan
 - iii. Tempoh pelantikan selama 2 tahun atau 2 penggal.
- 4.4 Mesyuarat bersetuju bahawa Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat diwujudkan dengan penambahan perjawatan di Seksyen Penyata Rasmi di Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat dengan segera. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan dipohon untuk mempertimbangkan pertambahan sumber-sumber yang berkaitan seperti tenaga kerja dan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan.
- 4.5 Mesyuarat bersetuju bahawa penubuhan Kumpulan Parlimen Rentas Parti, *All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)* diteruskan dengan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- 4.6 Mesyuarat bersetuju bahawa Nota Jemaah Menteri mengenai perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa ini di para 4.1 hingga 4.4 hendaklah dibawa untuk makluman Kabinet sebelum Penyata Jawatankuasa Dewan dibentang dan dipersetujukan oleh Majlis.

5.0 HAL-HAL LAIN


- 5.1 Mesyuarat mengambil maklum pandangan Ahli-Ahli Jawatankuasa mengenai peningkatan kes Covid-19 yang semakin tinggi dan keperluan untuk melaksanakan saringan kesihatan terhadap Ahli-Ahli Parlimen dan kakitangan Parlimen Malaysia sebelum Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga bermula pada 2 November 2020. Perkara ini akan dibincangkan

dalam mesyuarat penyelarasan dengan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan pada 7 Oktober 2020.

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.35 pagi.



.....
YANG BERHORMAT DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT /
PENGERUSI JAWATANKUASA DEWAN

LAMPIRAN A

**CADANGAN JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**CADANGAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuh pada 17 Oktober 2019

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya
(Special Select Committee on Election)
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan
(Special Select Committee on Human Rights and Constitutional Affairs);
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa
(Special Select Committee on International Relations and Trade)
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar
(Special Select Committee on Science, Innovation and Environment)

Cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan
(Special Select Committee on Fundamental Liberty and Constitutional Rights)
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Institusi-institusi Governan
(Special Select Committee on Institutions of Governance)
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Anti Rasuah
(Special Select Committee on Anti-Corruption)
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial
(Special Select Committee on National Unity and Social Development)
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Kelestarian
(Special Select Committee on Environment and Sustainability)
- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan
(Special Select Committee on Finance)
- vii) Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Dalam Negeri
(Special Select Committee on Internal Security)
- viii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan
(Special Select Committee on Defence)

- ix) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian
(Special Select Committee on Agriculture)

- x) Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
(Special Select Committee on Domestic Trade and Consumer Affairs)

- xi) Jawatankuasa Pilihan Khas Kerja Raya
(Special Select Committee on Works)

LAMPIRAN B

**KERTAS CADANGAN UNTUK
MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PILIHAN **KHAS PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

TUJUAN

1. Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

LATAR BELAKANG

JAWATANKUASA PILIHAN

2. Peraturan Mesyuarat 76 sehingga 80 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan. Pada masa kini terdapat 5 Jawatankuasa Pilihan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu:

- i) Jawatankuasa Pemilih;
- ii) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara;
- iii) Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat;
- iv) Jawatankuasa Dewan; dan
- v) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Kelima-lima Jawatankuasa yang telah dinyatakan ini adalah Jawatankuasa Pilihan yang telah termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Bagi penambahan Jawatankuasa Pilihan, Jawatankuasa Dewan perlu menimbang dan menetapkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan yang hendak ditubuhkan serta menentukan terma rujukan.

3. Seterusnya syor dan cadangan Jawatankuasa Dewan ini akan diangkat untuk diputuskan oleh Majlis Mesyuarat.

CADANGAN PENGWUJUDAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

4. Selain daripada Jawatankuasa Pilihan, Peraturan Mesyuarat 81 Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat juga memperuntukkan penubuhan **Jawatankuasa Pilihan Khas** yang dilantik dengan perintah Majlis dan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 81(1). Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak melibatkan pindaan terhadap peraturan-peraturan mesyuarat.

Jawatankuasa ini bersifat *case by case basis* iaitu mengikut keperluan semasa suatu Majlis Mesyuarat itu. Bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa, dicadangkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas untuk ditubuhkan bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya
(*Special Select Committee on Election*)
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan
(*Special Select Committee on Human Rights and Constitutional Affairs*);
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa
(*Special Select Committee on International Relations and Trade*)
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar
(*Special Select Committee on Science, Innovation and Environment*)
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan
(*Special Select Committee on Fundamental Liberty and Constitutional Rights*)
- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Institusi-institusi Governan
(*Special Select Committee on Institutions of Governance*)

- vii) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Anti Rasuah
(Special Select Committee on Anti-Corruption)
- viii) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial
(Special Select Committee on National Unity and Social Development)
- ix) Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Kelestarian
(Special Select Committee on Environment and Sustainability)

5. Jawatankuasa Pilihan Khas ini mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana orang di hadapannya dari satu masa ke satu masa bagi maksud penelitian dan kajian terhadap isu atau sesuatu perkara yang memerlukan perhatiannya. Ini kerana terdapat keperluan bagi Jawatankuasa untuk bersidang mengikut ahli dan turut dihadiri oleh orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam hal perkara yang dibincangkan.

6. Jawatankuasa kemudiannya akan mengemukakan laporan beserta apa-apa cadangan atau pindaan untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat semula bagi maksud dibentangkan selanjutnya.

7. Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang dicadangkan adalah:

i) **Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya**

(Special Select Committee on Election)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan sistem pilihan raya sedia ada serta langkah-langkah reformasi ke arah pelaksanaan pilihan raya yang lebih adil dan telus.

ii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan**

(Special Select Committee on Human Rights and Constitutional Affairs)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan hal ehwal perlembagaan.

iii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa**

(Special Select Committee on International Relations and Trade)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan hubungan dan perdagangan dengan negara-negara luar serta organisasi-organisasi antarabangsa yang terlibat.

iv) **Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar**

(Special Select Committee on Science, Innovation and Environment)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan sains, inovasi dan alam sekitar.

v) **Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan**

(Special Select Committee on Fundamental Liberty and Constitutional Rights)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti setiap Rang Undang-undang dan kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip hak asasi dan meneliti perkara berkaitan dengan tindak balas Kerajaan terhadap isu-isu mengenai hak asasi manusia. Jawatankuasa ini memastikan Kerajaan menjalankan kewajipannya dalam memperkasakan dan sentiasa membela hak asasi manusia selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

vi) **Jawatankuasa Pilihan Khas Institusi-institusi Governan**

(Special Select Committee on Institutions of Governance)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan institusi-institusi governan seperti Suruhanjaya Pasukan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pilihan Raya dan lain-lain.

vii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Anti Rasuah**

(Special Select Committee on Anti-Corruption)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan dalam menangani rasuah.

viii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial**

(Special Select Committee on National Unity and Social Development)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan perpaduan dan keharmonian masyarakat serta inisiatif-inisiatif yang menggalakkan pembangunan sosial.

ix) **Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Kelestarian**

(Special Select Committee on Environment and Sustainability)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan lestari.

8. Terma rujukan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Tujuan Penubuhan;
- ii) Keanggotaan (dicadangkan 7 orang ahli termasuk Pengerusi); dan
- iii) Tempoh Pelantikan (dicadangkan selama 2 Tahun iaitu 2 Penggal);

IMPLIKASI

9. Cadangan-cadangan bagi penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini memerlukan penambahan peruntukan kewangan, sumber tenaga manusia dan kemudahan-kemudahan berkaitan yang mencukupi untuk membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.

PENUTUP

10. Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Perkara ini adalah diangkat bagi pertimbangan Jawatankuasa Dewan untuk diperhalusi cadangan-cadangannya dalam merealisasi usaha memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.

LAMPIRAN C

**GARIS PANDUAN DAN PERATURAN
UNTUK PENUBUHAN
KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN
MALAYSIA (KRPPM)**

GARIS PANDUAN DAN PERATURAN UNTUK PENUBUHAN KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (KRPPM)

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) atau *All-Party Parliamentary Group Malaysia* (APPGM) merupakan forum atau platform sesama ahli parlimen Dewan Rakyat dan senator Dewan Negara, serta pihak luar/rakan atau *partners* (sebagai contoh, akademik, NGO, profesional dan pakar) untuk membincang, meneliti dan mengemukakan laporan cadangan-cadangan kepada Parlimen atau jawatankuasanya.
- 1.2 KRPPM adalah badan tidak rasmi dan penggunaan logo Parlimen Jata Negara atau penggunaan nama dan alamat Parlimen Malaysia tidak dibenarkan selain daripada logo yang telah ditetapkan.
- 1.3 Setiap KRPPM perlu berdaftar dan mendapat kelulusan Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat dengan mengemukakan Borang Pendaftaran KRPPM yang disediakan.

2. GARIS PANDUAN PENUBUHAN KRPPM

- 2.1 Antara butiran dalam Borang Pendaftaran KRPPM yang perlu diisi:
 - i. Nama kumpulan;
 - ii. Tujuan penubuhan;
 - iii. Nama lima (5) ahli parlimen Dewan Rakyat rentas parti dan parti yang diwakili, yang memohon untuk penubuhan kumpulan ini;
 - iv. Nama Pengerusi kumpulan;
 - v. Nama Timbalan Pengerusi kumpulan;
 - vi. Nama setiap ahli jawatankuasa dan jawatan yang disandang;
 - vii. Senarai nama rakan KRPPM (*partners*); dan
 - viii. Nama dan cara untuk menghubungi Sekretariat.

2.2 Antara syarat-syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi:

- i. Keahlian kumpulan harus terdiri daripada ahli parlimen Dewan Rakyat, senator Dewan Negara dan terbuka kepada pihak luar seperti ahli akademik, NGO, profesional atau pakar sebagai rakan atau "*partners*". Hanya ahli parlimen Dewan Rakyat dan senator Dewan Negara mempunyai hak mengundi;
- ii. Memenuhi syarat keahlian bilangan minimum lima (5) ahli parlimen Dewan Rakyat rentas parti;
- iii. Pengerusi kumpulan harus terdiri daripada ahli parlimen Dewan Rakyat yang dipilih antara ahli parti kerajaan;
- iv. Ahli jawatankuasa kumpulan harus terdiri daripada ahli parlimen dan/atau senator rentas parti.
- v. Sekretariat boleh terdiri daripada pihak luar seperti ahli akademik, NGO, profesional atau pakar;
- vi. Bilangan minimum mesyuarat rasmi yang perlu dilaksanakan dalam setahun adalah dua (2). Mesyuarat rasmi adalah termasuk mesyuarat memilih ahli jawatankuasa, mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat untuk membincang aktiviti KRPPM;
- vii. Cukupbilang mesyuarat - sekurang-kurang tiga (3) orang ahli parlimen Dewan Rakyat atau senator Dewan Negara; dan
- viii. Sebarang perubahan atau pindaan maklumat dalam Borang Pendaftaran harus dimaklumkan kepada Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat.

2.3 Peraturan-peraturan yang melibatkan perisytiharan kepentingan yang perlu dipatuhi:

- i. Setiap KRPPM perlu membuat penyata tahunan kepentingan/kemudahan (*financial/in-kind*) dan perbelanjaan berserta dengan kelulusan daripada mesyuarat rasmi kumpulan, sekiranya jumlah kepentingan/kemudahan yang diterima melebihi RM10,000 setahun; dan
- ii. Penyata tahunan perlu dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas kelulusan mesyuarat rasmi kumpulan.

LAMPIRAN D

**CADANGAN JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**CADANGAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang
(Special Select Committee for Consideration of Bills);
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet
(Special Select Committee on Budget);
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri
(Special Select Committee on Defence and Home Affairs);
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Keluarga
(Special Select Committee on Gender Equality and Family Development);
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-Negeri dan Persekutuan
(Special Select Committee on States and Federal Relations);
- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama
Perkhidmatan Awam
(Special Select Committee on Major Public Appointments);
- vii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya
(Special Select Committee on Election)
- viii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan
(Special Select Committee on Human Rights and Constitutional Affairs);
- ix) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa
(Special Select Committee on International Relations and Trade)
- x) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar
(Special Select Committee on Science, Innovation and Environment)

LAMPIRAN E

**CADANGAN JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**CADANGAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan
(Special Select Committee on Fundamental Liberty and Constitutional Rights)
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Institusi-institusi Governan
(Special Select Committee on Institutions of Governance)
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Anti Rasuah
(Special Select Committee on Anti-Corruption)
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial
(Special Select Committee on National Unity and Social Development)
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Kelestarian
(Special Select Committee on Environment and Sustainability)

LAMPIRAN F

**CADANGAN JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
OLEH YANG BERTHORMAT BINTULU**

**CADANGAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**Cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas
oleh Yang Berhormat Bintulu**

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan
(Special Select Committee on Finance)
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Dalam Negeri
(Special Select Committee on Internal Security)
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan
(Special Select Committee on Defence)
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian
(Special Select Committee on Agriculture)
